

# Kerajaan timbang izin rapat umum

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan sedia mengkaji semula larangan rapat umum menjelang pilihan raya akan datang jika pasukan keselamatan mendapati ia tidak menjejaskan keselamatan awam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menyerahkannya kepada pasukan keselamatan menentukan kesesuaian berbuat demikian. Dalam hal ini, katanya, kerajaan bersikap terbuka.

Bagaimanapun katanya, pelbagai pertimbangan harus difikirkan terlebih dahulu termasuk kemampuan pasukan keselamatan bertindak jika berlaku perkara yang tidak diinginkan.

"Pada dasarnya, keputusan kerajaan bergantung kepada kajian, laporan dan pandangan pasukan keselamatan. Mereka lebih arif memastikan hal-ehwal keselamatan negara.

"Jika pasukan keselamatan berpendapat ia boleh ditarik balik, kerajaan sedia mengkajinya. Terpujanglah kepada pasukan keselamatan menentukannya.

"Kita bimbang, apabila rapat umum diadakan, orang terlampau ramai, keadaan susah dikawal. Pihak keselamatan mesti tahu bagaimana mengawal keadaan seumpama ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan kompleks kilang Sapura - Nokia Telecommunications dan Sapura Electronic Industries Sdn Bhd di sini, hari ini.

Semalam, Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor, berkata polis mengkaji kemungkinan membenarkan semula perhimpunan awam yang diharamkan sejak peristiwa 13 Mei 1969.

Bagaimanapun, katanya, walau apapun keputusan polis, ia akan diru-

dangan serta membuat keputusan muktamad mengenai perkara itu. Ditanya pendirian peribadinya, Perdana Menteri berkata: "Saya bersikap terbuka."

Dr Mahathir menegaskan, kerajaan mengambil pendirian berhati-hati bagi mengelakkan perkara yang tidak diinginkan walaupun keadaan dalam negara aman dan stabil.

Mengulas surat ketua pembangkang, Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) yang menyatakan hasratnya untuk membincangkan perkara yang sama, Dr Mahathir berkata, beliau sudah menjawab surat berkenaan.

"Saya sudah menjawab surat itu, dia kata nak jumpa. Dia dakwa sejak kita mengumumkan Wawasan 2020, kita patut mengadakan pilihan raya lebih adil dan bersih.

"Saya hairan kenapa dia kata begitu sedangkan kita memang mengadakan pilihan raya yang adil dan bersih.

"Saya sendiri pernah kalah dalam pilihan raya umum sedangkan saya calon kerajaan. Kalau kerajaan tipu, saya ingat saya patut menang selalu.

"Parti lawan pun ada yang menang. Kit Siang pun menang walaupun saya berpendapat dia tak patut menang. Demikianlah demokrasi dan keadilan pilihan raya di Malaysia. Orang macam Kit Siang pun boleh menang," katanya.

Ditanya kenapa Perdana Menteri mengangap Lim tidak patut menang, Perdana Menteri berkata, ahli pembangkang itu tidak pernah mengeluarkan idea yang konstruktif, sebaliknya hanya membuat kritikan melulu.

"Sepanjang dia berada dalam Dewan Rakyat, tidak ada cadangan yang konstruktif melainkan kritik yang tak tentu hala, burukkan orang kadangkala mencerca malah